

**PENGARUH PROGRAM SPIRITUAL  
TERHADAP MOTIVASI PEMINDAHAN  
LATIHAN, KEHIDUPAN BERAGAMA  
DAN PRESTASI KERJA DI KALANGAN  
ANGGOTA ANGKATAN TENTERA  
MALAYSIA**

**KAPTEN MUHAMMAD SYUKRI HAJI  
ZAHARI AL-HAFIZ**

**DOKTOR FALSAFAH  
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL  
MALAYSIA**

**2021**

**KAPTEN MUHAMMAD  
SYUKRI HAJI ZAHARI  
AL-HAFIZ**

**DOKTOR FALSAFAH  
(PENGURUSAN SUMBER)**

**UPNM  
2021**



**PENGARUH PROGRAM SPIRITUAL TERHADAP MOTIVASI PEMINDAHAN  
LATIHAN, KEHIDUPAN BERAGAMA DAN PRESTASI KERJA DI KALANGAN  
ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**KAPTEN MUHAMMAD SYUKRI HAJI ZAHARI AL-HAFIZ**

**DOKTOR FALSAFAH  
(PENGURUSAN SUMBER)  
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**2021**

**PENGARUH PROGRAM SPIRITUAL TERHADAP MOTIVASI PEMINDAHAN  
LATIHAN, KEHIDUPAN BERAGAMA DAN PRESTASI KERJA DI KALANGAN  
ANGGOTA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA**

**KAPTEN MUHAMMAD SYUKRI HAJI ZAHARI AL-HAFIZ**

Tesis dikemukakan kepada Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia,  
dalam memenuhi syarat-syarat untuk Ijazah Doktor Falsafah  
(Pengurusan Sumber)

2021

## ABSTRAK

Manusia yang berkualiti adalah mereka yang menghayati kehidupan beragama di samping menitikberatkan kepada peningkatan prestasi diri. Program spiritual dikenalpasti sebagai penyumbang kepada melahirkan manusia yang berkualiti. Oleh itu, program spritual yang dilaksanakan di Pusat-Pusat Latihan ATM bertujuan untuk membentuk anggota ATM yang mukmin dan muhsin. Tiga elemen iaitu perancangan program, peranan jurulatih dan sikap adalah teras kejayaan program tersebut. Pelaksanaan program spiritual yang teratur akan membawa kepada peningkatan motivasi pemindahan latihan dan seterusnya mengamalkan setiap bimbingan yang diterima sehingga mencorakkan kehidupan yang beragama dan meningkatkan prestasi kerja mereka setelah tamat latihan. Namun begitu, kebanyakan latihan yang dijalankan di kebanyakan organisasi sektor awam masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kekurangan impak dalam latihan di sesebuah organisasi. Antara faktor tersebut ialah pengurusan latihan yang tidak efektif. Kajian ini mempunyai dua objektif penting iaitu mengukur hubungan di antara program spiritual dengan pengaruh program (kehidupan beragama dan prestasi kerja). Kedua, menentukan peranan motivasi pemindahan latihan yang bertindak sebagai pembolehubah mencelah di antara program spiritual dengan pengaruh program.

Kaedah soal selidik merupakan instrumen utama kajian telah digunakan. Borang soal selidik telah diedarkan dan sebanyak 522 borang yang lengkap diisi oleh anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) ATM dan dikembalikan. Dapatan analisis pengesanan faktor menunjukkan bahawa instrumen kajian menepati piawaian kesahan dan kebolehpercayaan yang ditetapkan. Hipotesis-hipotesis bagi model kesan langsung dan model pembolehubah mencelah telah diuji menggunakan sampel yang dipilih secara rawak. Keputusan analisis laluan model *SmartPLS* menghasilkan dua dapatan utama: pertama, ketiga-tiga elemen program spiritual mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengaruh program; kedua, motivasi pemindahan latihan bertindak positif sebagai pembolehubah mencelah dalam hubungan di antara program spiritual dengan pengaruh program.

## ABSTRACT

Quality human beings are those who appreciate a religious life while emphasizing on improving self-performance. Spiritual programs are identified as contributing to the producing quality human beings. Therefore, the spiritual programs are run by all Malaysian Armed Forces (MAF) training centers with the objective to mold Islamic characterization among the members of the MAF. Three important elements are embedded in the spiritual program. These elements are including program planning, trainer's roles and attitude building, which are the foundation towards the success of the program. Nevertheless, most of the training conducted in most public sector organizations is still at a unsatisfactory level. There are various factors that contribute to the lack of impact in training in an organization. Among those factors is ineffective training management. Implementation of organized spiritual program can lead to motivation development. In addition, each guidance given through spiritual programs could mold a religious guided life which can enhance work performance when the MAF members complete their training. This study has two objectives. First, to analyse the relation between the spiritual programs on leading religion life and work performance. Second, to analyse about the roles of motivational transfer program as an intervening variable between the influence on spiritual program.

A survey is utilized as the primary method for this study. Questionnaire were distributed among the MAF members. 522 questionnaires were completed by the MAF members from Other Ranks returned and analysed. The result of the analysis shows that the instrument fulfils the validity and reliability standards. Hypothesis for direct model and intervening model were tested using random samples. The result of analysis from model Smart PLS produced two findings. First, all three elements of spiritual program have significant relationship with the influence of the program. Second, motivational training transfer plays a positive role as an intervening variable in relation to spiritual program and its influence.

## PENGHARGAAN

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji bagi Allah Tuhan sekalian alam, atas nikmatnya yang tiada terkira, selawat dan salam buat junjungan mulia, Nabi Muhammad SAW serta ahli keluarganya dan para sahabatnya, juga kepada seluruh yang menuruti perjuangannya kerana Allah.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah kerana dengan keizinan dan bantuanNya dapat saya menyiapkan projek ini sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber). Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Lt Kol Prof Madya Dr. Ustaz Hj. Daud bin Hj. Mohamed Salleh selaku penyeliautama, Kol Dr. Hj. Zahimi dan Hj. Zainal Abidin selaku penyelia kedua dan Prof Emeritus Datuk Dr. Wan Hashim Wan Teh selaku penyelia ketiga di atas kesudian memberi tunjuk ajar, nasihat, bimbingan, berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman serta menyumbang masa dantenaga yang sehingga terhasilnya tesis ini dengan jayanya.

Begitu juga, ucapan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Tentera Darat Malaysia. Penghargaan juga saya ingin rakamkan buat pegawai-pegawai KAGAT di Pasukan yang banyak membantu kajian saya ini. Tidak lupa juga kepada Cawangan Agama, Akademi Latihan Ketenteraan, UPNM, Cawangan Agama, Markas 6 Briged, Sungai Petani, Kedah, Pusat Latihan Asas Tentera Darat, Cawangan Kerohanian, Pangkalan TLDM dan Pangkalan Udara Subang, Shah Alam, Selangor yang telah banyak memberikan kerjasama, bantuan dan sokongan semasa saya menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan ini juga ingin saya rakamkan buat keluarga tercinta yang turut sama membantu dengan gigih. Terima kasih kerana mendoakan kejayaan saya sepanjang saya mengikuti program ini.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada mereka yang telah banyak memberi bantuan dan kerjasama, yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi dan jasa baik anda semua. Semoga kemurnian usaha kita semua mendapat keberkatan Allah SWT.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**KAPTEN MUHAMMAD SYUKRI HAJI ZAHARI AL-  
HAFIZ UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL  
MALAYSIA KEM SUNGAI BESI**

## KELULUSAN

Jawatankuasa Peperiksaan telah bersidang pada **20 Mei 2021** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Kapten Muhammad Syukri Hj Zahari** ke atas tesis ijazah Doktor Falsafah bertajuk **‘Pengaruh Program Spiritual terhadap Motivasi Pemindahan Latihan, Kehidupan Beragama dan Prestasi Kerja Dikalangan Warga Anggota Angkatan Tentera Malaysia’**.

Jawatankuasa ini memperakukan bahawa calon layak dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber).

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan adalah seperti berikut.

**Kolonel Prof Madya Dr. Mohd Nor Bin Yahaya (Bersara)**

Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
(Pengerusi)

**Lt Kolonel Dr. Mohd Juraimy Bin Haji Kadir (Bersara)**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
(Pemeriksa Dalaman)

**Prof Madya Dr. Hazril Izwar Bin Ibrahim**

Pusat Pengajian Pengurusan  
Universiti Sains Malaysia (USM)  
(Pemeriksa Luar)

**Prof. Madya Dr. Rozita Binti Abdul Mutalib**

Fakulti Undang-Undang Awam dan Antarabangsa  
Universiti Utara Malaysia (UUM)  
(Pemeriksa Luar)



## **KELULUSAN**

Tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan telah memenuhi piawaian bagi tujuan penganugerahan Ijazah **Doktor Falsafah (Pengurusan Sumber)**. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Lt Kolonel Prof. Madya Dr. Daud Bin Mohamed Saleh**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
(Penyelia Utama)

**Prof. Emeritus Dato' Dr. Wan Hashim Bin Wan Teh**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
(Penyelia Bersama)

**Kolonel Dr. Haji Zahimi Bin Haji Zainol Abidin**

Fakulti Pengajian & Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)  
(Penyelia Bersama)

**UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

**PENGESAHAN TESIS**

Nama Penuh Pengkaji : Kapten Muhammad Syukri Haji Zahari Al-Hafiz  
Tarikh Lahir : 18 Mac 1973  
Tajuk : Pengaruh Program Spiritual Terhadap Motivasi Pemindahan  
Latihan, Kehidupan Beragama Dan Prestasi Kerja Anggota  
Angkatan Tentera Malaysia  
Sesi Akademik : 2018/2021

Saya mengaku bahawa tesis ini diklasifikasikan sebagai:

- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang dispesifikasikan oleh organisasi kajian)\*
- TERBUKA** Bersetuju bahawa tesis ini keseluruhannya diterbitkan secara terbuka dan atas talian.

Saya mengetahui bahawa pihak Universiti Pertahanan Nasional Malaysia mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Tesis ini merupakan hak milik Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia berhak untuk membuat salinan untuk tujuan penyelidikan sahaja.
3. Perpustakaan berhak untuk membuat salinan tesis ini untuk tujuan perkongsian akademik.



\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIDIK)

730318-08-5185

\_\_\_\_\_  
(NO. KAD PENGENALAN)

Tarikh: 23 JUN 2021



Lt KOL (JST) DR. HJ. DAUD BIN HJ. MOHAMED SALLEH (BERSARA)  
Penyarah Kanan  
Jabatan Amegerasan, Kepemimpinan dan Ketamadunan  
Fakulti Rancangan dan Pengurusan Pertahanan  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

\_\_\_\_\_  
(TANDATANGAN PENYELIA)

Lt Kol Prof Madya Dr. Hj  
Daud bin Hj Mohamed Salleh

\_\_\_\_\_  
(NAMA PENYELIA)

Tarikh: 23 JUN 2021

**Nota:** Sekiranya tesis ini diklasifikasikan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada organisasi kajian menyatakan tempoh masa dan sebab diklasifikasikan sebagai sulit dan terhad.

## KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Kelulusan	v
Kelulusan	vi
Deklarasi	vii
Kandungan	viii
Senarai Jadual	
Senarai Rajah	
Senarai Singkatan	
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1	1
1.2	4
1.3	12
1.4	20
1.5	21
1.5.1	21
1.5.2	22
1.6	23
1.6.1	23
1.6.2	24
1.7	24
1.7.1	24
1.7.2	26
1.7.3	31
1.7.4	33
1.7.5	37
1.7.6	40
1.7.7	44
1.7.8	48
1.8	54
1.8.1	54
1.8.2	55
1.8.3	56
1.9	57

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	59
2.2	Hubungan di antara Program Spiritual Terhadap Kehidupan Beragama	60
2.2.1	Bukti Teoritikal yang Menyokong Hubungan di antara Program Spiritual dengan Kehidupan Beragama	60
2.2.1.1	Teori Pendidikan al-Qabisi	60
2.2.2	Bukti Empirikal yang Menyokong Hubungan di antara Program Spiritual dengan Kehidupan Beragama	62
2.2.2.1	Hubungan di antara Perancangan Program dengan Kehidupan Beragama	62
2.2.2.2	Hubungan di antara Perancangan Program dengan Prestasi Kerja	65
2.2.2.3	Hubungan di antara Peranan Jurulatih dengan Kehidupan Beragama	68
2.2.2.4	Hubungan di antara Peranan Jurulatih dengan Prestasi Kerja	71
2.2.2.5	Hubungan di antara Sikap dengan Kehidupan Beragama	73
2.2.2.6	Hubungan di antara Sikap dengan Prestasi Kerja	76
2.3	Hubungan di antara Program Spiritual, MPL dengan Keberkesanan Program	78
2.3.1	Bukti Teoritikal yang Menyokong Hubungan di antara Program Spiritual, MPL dengan Kehidupan Beragama	78
2.3.1.1	Teori Pembelajaran Fitrah Ibnu Khaldun (1930)	78
2.3.1.2	Teori Pembelajaran Sosial oleh Wood dan Bandura (1989)	81
2.3.2	Bukti Empirikal yang Menyokong Hubungan di antara Program Spiritual, MPL dengan Keberkesanan Program	82
2.3.2.1	Hubungan di antara Perancangan Program, MPL dengan Kehidupan Beragama	82
2.3.2.2	Hubungan di antara Perancangan Program, MPL dengan Prestasi Kerja	84
2.3.2.3	Hubungan di antara Peranan Jurulatih, MPL dan Kehidupan Beragama	86
2.3.2.4	Hubungan di antara Peranan Jurulatih, MPL dan Prestasi Kerja	88
2.3.2.5	Hubungan di antara Sikap, MPL dan Kehidupan Beragama	91
2.3.2.6	Hubungan di antara Sikap, MPL dan Prestasi Kerja	93
2.4	Persoalan Kajian	95
2.5	Kesimpulan	96

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	97
3.2	Unit Analisis dan Prosedur Persampelan	98
3.3	Reka Bentuk Penyelidikan	101
3.3.1	Fasa 1: Temu bual Terperinci	102
3.3.2	Fasa 2: Kajian Rintis	103
3.3.3	Fasa 3: Kajian Sebenar	104
3.3.3.1	Proses Pembentukan Borang Soal Selidik	105
3.3.3.2	Kandungan Borang Soal Selidik	106
3.3.3.3	Proses Melaksanakan Kajian Sebenar	108
3.4	Analisis Data	109
3.4.1	Penganalisan Data Menggunakan Perisian SPSS	110
3.4.1.1	Pengujian Kenormalan Data	110
3.4.1.2	Analisis Korelasi Pearson dan Statistik Asas	110
3.4.2	Analisis Data Menggunakan Pakej SmartPLS Versi 3.0	111
3.4.2.1	Analisis Model Pengukuran	111
3.4.2.1.1	Ujian Kesahan Konstruk Kajian	112
3.4.2.1.1.1	Ujian Kesahan Konvergen	112
3.4.2.1.1.2	Ujian Kesahan Diskriminan	112
3.4.2.1.1.2.1	Ujian Kriteria Fornel-Larcker	113
3.4.2.1.1.2.2	Pengujian Pemberat Silang	113
3.4.2.1.2	Pengujian Kebolehpercayaan Konstruk	113
3.4.2.1.2.1	Ujian Kebolehpercayaan Item	114
3.4.2.1.2.2	Ujian Kebolehpercayaan Komposit dan Alpha Cronbach	114
3.4.2.2	Analisis Model Struktural	114
3.4.2.2.1	Anggaran <i>Path Coefficient</i>	115
3.4.2.2.2	Penilaian Tahap $R^2$	115
3.5	Pengujian Hipotesis	116
3.5.1	Pengujian Hipotesis Model Kesan Langsung	116
3.5.2	Pengujian Hipotesis Model Pembolehubah Mencelah	117
3.6	Maklum Balas Temuduga Terperinci	118
3.7	Kesimpulan	120

## **BAB 4 ANALISIS KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN KAJIAN RINTIS DAN KAJIAN SEBENAR**

4.1	Pendahuluan	121
4.2	Penemuan Kajian Rintis	121
4.2.1	Penemuan Analisis Soal Selidik Kajian Rintis	121
4.2.1.1	Analisis Demografi Kajian Rintis	122
4.2.1.2	Analisis Kesahan Instrumen Kajian	123
4.2.1.3	Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	124
4.2.2	Dapatan Kajian Rintis Berdasarkan Perbincangan Formal	125
4.3	Kajian Sebenar	127
4.3.2	Penapisan Data	128
4.3.3	Responden Kajian	129
4.3.4	Model Persamaan Struktural	131
4.3.4.1	Model Struktural	131
4.3.4.1.1	Model Struktural Kesan Langsung	131
4.3.4.1.2	Model Struktural Pembolehubah Mencilah	132
4.3.4.2	Model Pengukuran	132
4.3.4.2.1	Model Pengukuran Konstruk Perancangan Program	132
4.3.4.2.2	Model Pengukuran Konstruk Peranan Jurulatih	134
4.3.4.2.3	Model Pengukuran Konstruk Sikap	136
4.3.4.2.4	Model Pengukuran Konstruk Motivasi Pemindahan Latihan	137
4.3.4.2.5	Model Pengukuran Konstruk Kehidupan Beragama	140
4.3.4.2.6	Model Pengukuran Prestasi Kerja	144
4.3.5	Analisis Model Pengukuran	145
4.3.5.1	Dapatan Ujian Kesahan Konstruk Kajian	146
4.3.5.1.1	Dapatan Ujian Kesahan Konvergen	146
4.3.5.1.2	Dapatan Ujian Kesahan Diskriminan	147
4.3.5.1.2.1	Dapatan Ujian HTMT	147
4.3.5.1.2.2	Penemuan Analisis Pemberat Silang ( <i>Cross Loading</i> )	148
4.3.5.2	Penemuan Analisis Kebolehpercayaan Konstruk Kajian	153
4.3.5.2.1	Dapatan Ujian Kebolehpercayaan Item	153
4.3.5.2.2	Penemuan Analisis Kebolehpercayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i>	160
4.3.6	Analisis Model Struktural	161
4.3.6.1	Anggaran <i>Path Coefficient</i>	161
4.3.7	Dapatan Analisis Korelasi Pearson dan Ujian Statistik Deskriptif	163
4.4	Kesimpulan	165

<b>BAB 5</b>	<b>PENEMUAN ANALISIS MODEL KAJIAN</b>	
5.1	Pendahuluan	166
5.2	Penemuan Analisis Model Kesan Langsung	166
5.2.1	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H1)	168
5.2.2	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H2)	169
5.2.3	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H3)	169
5.2.4	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H4)	170
5.2.5	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H5)	171
5.2.6	Hasil Penemuan Ujian Hipotesis (H6)	171
5.3	Dapatan Pengujian Model Pembolehubah Mencilah	172
5.3.1	Penemuan Ujian H1	174
5.3.2	Penemuan Ujian H2	175
5.3.3	Penemuan Ujian H3	176
5.3.4	Penemuan Ujian H4	178
5.3.5	Penemuan Ujian H5	179
5.3.6	Penemuan Ujian H6	180
5.4	Diskusi	182
5.4.1	Penemuan Ujian Model Kesan Langsung	182
5.4.2	Penemuan Ujian Model Pembolehubah Mencilah	184
5.5	Kesimpulan	186
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN</b>	
6.1	Pengenalan	187
6.2	Ringkasan Keseluruhan Penyelidikan	187
6.3	Kesimpulan Penyelidikan	189
6.4	Kesan-Kesan Penyelidikan	193
6.4.1	Kesan Terhadap Teori	194
6.4.2	Kesan Terhadap Pengukuhan Kaedah Penyelidikan	195
6.4.3	Kesan Terhadap Pengamal	196
6.5	Batasan Penyelidikan	197
6.6	Syor Penyelidikan Akan Datang	198
6.7	Kesimpulan	201
	<b>RUJUKAN</b>	203
	<b>LAMPIRAN</b>	
	A. Surat Permohonan Menjalankan Kajian	239
	B. Surat Kelulusan Menjalankan Kajian	244
	C. Huraian Maklumat Temuduga Terperinci	249
	D. Borang Soal Selidik Kajian Rintis	254
	E. Borang Soal Selidik Kajian Sebenar	261
	F. Senarai Penerbitan	268
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	270

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 1.1	Peruntukan Masa Untuk Pelaksanaan Dasar Pembinaan Kerohanian Islam	12
Jadual 3.1	Statistik Kekuatan Anggota ATM	101
Jadual 3.2	Status Responden Temuduga Terperinci	119
Jadual 4.1	Maklumat Kajian Rintis	122
Jadual 4.2	Ciri-ciri Responden Kajian Rintis	123
Jadual 4.3	Nilai Kebolehpercayaan Item Kajian Rintis	124
Jadual 4.4	Panel Semakan Kajian Rintis	125
Jadual 4.5	Maklum Balas Semakan Kajian Rintis	126
Jadual 4.7	Dapatan Ujian Kenormalan Data	129
Jadual 4.8	Ciri-ciri Responden dan Profil Sampel Kajian Sebenar (n=522)	130
Jadual 4.9	Maklumat Item Dalam Kongsruk Perancangan Program	133
Jadual 4.10	Maklumat Item Dalam Kongsruk Peranan Jurulatih	135
Jadual 4.11	Maklumat Item Dalam Kongsruk Sikap	137
Jadual 4.12	Maklumat Item Dalam Kongsruk Motivasi Pemandahan Latihan	139
Jadual 4.13	Maklumat Item Dalam Kongsruk dengan Kehidupan Beragama	142
Jadual 4.14	Maklumat Item Dalam Kongsruk Prestasi Kerja	145
Jadual 4.15	Nilai Purata Varian Diekstrak (AVE)	147
Jadual 4.16	Dapatan Nilai HTMT	148
Jadual 4.17	Dapatan Ujian Pemberat Silang ( <i>Cross Loading</i> )	149
Jadual 4.18	Nilai Pemberat di antara Item dengan Konstruk	153



Jadual 4.19	Kebolehpercayaan Komposit dan <i>Alpha Cronbach</i>	161
Jadual 4.20	Anggaran <i>Path Coefficient</i>	162
Jadual 4.21	Dapatan Ujian Statistik Deskriptif dan Analisa Korelasi Pearson	164
Jadual 5.1	Penemuan Ujian Model Kesan Langsung	182
Jadual 5.2	Penemuan Ujian Model Pembolehubah Mencilah	184

**SENARAI  
RAJAH**

<b>NO. RAJAH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.1	Model Kesan Langsung	22
Rajah 1.2	Model Pembolehubah Mencilah	22
Rajah 4.1	Model Struktural Kesan Langsung	131
Rajah 4.2	Model Struktural Pembolehubah Mencilah	132
Rajah 4.3	Hubungan di antara Item dan Perancangan Program	133
Rajah 4.4	Hubungan di antara Item dan Peranan Jurulatih	134
Rajah 4.5	Hubungan di antara Item dan Sikap	136
Rajah 4.6	Hubungan di antara Item dan Motivasi Pemindahan Latihan	138
Rajah 4.7	Hubungan di antara Item dan Kehidupan Beragama	140
Rajah 4.8	Hubungan di antara Item dan Prestasi Kerja	144
Rajah 4.9	Analisis Pengesahan Faktor	146
Rajah 5.1	Jalinan Hubungan Program Spiritual dengan Pengaruh Program Spiritual	167
Rajah 5.2	Dapatan Pengujian H1a	168
Rajah 5.3	Dapatan Pengujian H1b	169
Rajah 5.4	Dapatan Pengujian H1c	170
Rajah 5.5	Dapatan Pengujian Hipotesis 1d	170
Rajah 5.6	Dapatan Pengujian Hipotesis 1e	171
Rajah 5.7	Dapatan Pengujian Hipotesis 1f	172
Rajah 5.8	Perhubungan Program Spiritual, MPL dengan Pengaruh Program Spiritual	173
Rajah 5.9	Penemuan Ujian H1	175
Rajah 5.10	Penemuan Ujian H2	176
Rajah 5.11	Penemuan Ujian H3	177

Rajah 5.12	Penemuan Ujian H4	178
Rajah 5.13	Penemuan Ujian H5	180
Rajah 5.14	Penemuan Ujian H6	181
Rajah 7.1	Syor Kerangka Konseptual Penyelidikan Masa Hadapan	201

## SENARAI SINGKATAN

ANOVA	<i>Analysis of Variances</i>
AVE	<i>Average Variance Extracted</i>
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
VAF	<i>Variance Accounted For</i>
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
ALK	Akademi Latihan Ketenteraan
DPMKI ATM	Dasar Pembinaan Mental Dan Kerohanian Islam Angkatan Tentera Malaysia
MPL	Motivasi Pemindahan Latihan
KAGAT	Kor Agama Angkatan Tentera
LLP	Lain-lain Pangkat
MAT	Majlis Angkatan Tentera
PMAT 9/91	Perintah Majlis Angkatan Tentera No. 9 Tahun 1991
PTD	Panglima Tentera Darat
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TPTD	Timbalan Panglima Tentera Darat
TUDM	Tentera Udara DiRaja Malaysia
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SmartPLS	<i>Smart Partial Least Squares</i>
SPSS	<i>Statistical Packages for the Social Science</i>

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENDAHULUAN**

Sejarah kewujudan manusia sejak awal kehidupan penuh dengan peperangan dan isu keselamatan global. Peperangan demi peperangan atas faktor ekonomi, politik, perluasan sempadan, etnik, kekayaan bumi, ego dan lain-lain menjadikan penghuni dunia sentiasa bimbang dan waspada atas keselamatan diri, keluarga dan negara. Ketika milenium baru mulai terungkap, kita berhadapan isu keselamatan yang menjejaskan keamanan secara lebih radikal sejak berakhirnya perang dingin. Ancaman alaf baru tidak sahaja tertumpu kepada serangan persenjataan moden yang boleh mengakibatkan bencana dan malapetaka yang dahsyat tetapi lebih halus dan global iaitu serangan siber. Penggunaan gajet tidak hanya membawa banyak perkara yang positif, tetapi juga banyak perkara negatif yang muncul terutama dalam bentuk ancaman atau risiko keselamatan alaf baru. Tanggungjawab manusia yang cintakan keamanan adalah untuk menstabilkan persekitaran keselamatan, dan ia perlu dilihat di luar dari falsafah ketenteraan tradisional bagi menangani secara serius cabaran keselamatan global baru (Ivančik *et al.* 2014).

Menurut Benjamin *et al.* (2015), isu keselamatan dan pertahanan masa kini tidak lagi terarah kepada isu-isu tradisional malah ia sudah bergerak ke arah masalah yang lebih rumit iaitu isu ketirisan maklumat dan teknologi siber. Pertumbuhan teknologi maklumat (*Information Technology*) atau (IT) dan teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communication Technology*) atau (ICT) yang pesat membawa masalah keselamatan di seluruh dunia. Penggunaan IT membawa cabaran baru seperti risiko pendedahan data yang lebih tinggi, data korporat sensitif, pancingan data, penipuan elektronik, penyamaran, isu keselamatan maklumat. Manakala Ibrahim *et al.* (2016), pula menyatakan jenayah siber menjadi ancaman transnasional yang canggih yang beroperasi pada skala industri.

Manakala Malaysia, sebuah negara Islam moden dan penuh dengan gaya diplomasi dan perundingan juga terkesan dengan ancaman yang serius. Ibrahim *et al.* (2016), juga menjelaskan kedudukan Malaysia yang agak strategik kerana dikelilingi lautan serta kaya dengan hasil bumi telah lama diperhatikan dunia luar yang ingin merampas khazanah negara. Penjajah yang menguasai Tanah Melayu silih berganti bermula dengan Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun juga mempunyai hasrat yang sama iaitu untuk kepentingan ekonomi, agama dan politik mereka. Sejak abad kelima masihi lagi kawasan Selat Melaka menjadi laluan utama kapal-kapal dagang yang berulang-alik dari China dan India serta wilayah di sekitarnya. Hampir 20,000 kapal tangki minyak mentah melalui selat ini setiap tahun. Ancaman lanun terhadap kapal dagang yang melalui Selat Melaka juga menyumbang kepada keselamatan negara.

Menurut Sharifah Munirah (2016), Semenanjung Malaysia dan Timur Malaysia

telah dipisahkan dengan Laut Cina Selatan. Malaysia juga terlibat dengan isu keselamatan mengenai tuntutan bertindih dengan China, Taiwan, Vietnam, Filipina dan Brunei terhadap Kepulauan Spratly. Walaupun negara kita menggunakan pendekatan perundingan dan dialog namun tuntutan keselamatan yang memerlukan pengawasan ketenteraan juga tidak boleh diremehkan.

Keselamatan dan pertahanan negara sentiasa menjadi keutamaan kerajaan Malaysia. Malaysia telah memperkenalkan Konsep Pertahanan Menyeluruh (HANRUH) yang melibatkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan masyarakat Malaysia keseluruhannya bagi membentuk pertahanan bersepadu dan semangat patriotik dalam mempertahankan negara. Ia meliputi ketenteraan, ekonomi, sosial, awam dan psikologi. Sebagai negara majmuk dengan kepelbagaian etnik menjadi tanggungjawab utama bagi pasukan keselamatan untuk mempertahankan kemerdekaan dari ancaman dalaman dan luaran (Faisal *et al.*, 2016).

Dalam bidang ketenteraan, kekuatan pertahanan tidak hanya terletak di bahu anggota tentera malah ia juga berganding rapat dengan mesin (teknologi) dan perancangan taktik. Semua keperluan utama ini digabung dan dibangunkan melalui latihan yang berterusan. Kemampuan fizikal, kemahiran persenjataan dan kesihatan sangat penting bagi anggota tentera dan kerjayanya. Latihan anggota tentera yang berterusan mampu menggembelng semua elemen ini sehingga mencapai objektif yang diinginkan dalam organisasi (Liana, 2019).

Dari kaca mata Islam, latihan juga tidak boleh diabaikan bagi membangun modal

insan khususnya dalam ketenteraan. Rasulullah SAW sebagai pemimpin ulung di dunia Islam yang berpusat di Madinah, juga membentuk jentera pertahanan yang kuat dan padu sehingga menakutkan musuh (Rashidi & Azmil, 2015).

Menurut Mushtaq (2010), sesebuah negara mempunyai hak negara untuk mempertahankan diri dan tidak mungkin mampu hidup dengan aman harmoni jika keteguhan organisasi angkatan tentera yang mantap dan utuh tidak wujud.

Menyediakan kekuatan ketenteraan penting bagi menghadapi penganiayaan musuh. Tanggungjawab mempertahankan keamanan dan kemaslahatan negara telah diamanahkan kepada ATM yang tidak pernah lelah dan sentiasa berkomitmen kepada organisasi.

Ahmad Azan *et al.* (2010), menyatakan bahawa para pejuang yang berkomitmen tinggi terhadap pertahanan negara sentiasa dipandang mulia oleh Allah SWT. Anggota tentera yang dilatih berpandukan kepada pembinaan mental dan spiritual akan mempunyai daya tempur yang hebat. Amalan agama dan spiritual melindungi anggota tentera dari tekanan, trauma dan bunuh diri. Selain itu, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah mengenal pasti elemen spiritual sebagai komponen penting dalam perancangan dan latihan strategik ketenteraan.

## **1.2 LATAR BELAKANG PERMASALAHAN KAJIAN**

Setiap negara besar mempunyai garis merah yang tidak boleh dilangkah.



Akibatnya, negara-negara besar akan menjaga kekuatan tentera mereka serta ideologi mereka. Negara-negara besar mengambil langkah yang akan melindungi, menyebarkan dan memastikan penguasaan ideologi masing-masing serta menggunakan kuasa ketenteraan untuk mencapai tujuan ini. Dengan demikian, negara tersebut pada masa yang sama menggunakan kuasa politik, ketenteraan dan ideologi. Namun begitu, dengan munculnya ideologi kapitalis bersama pemikiran pragmatiknya, tawar-menawar pada garis merah negara merupakan cara yang praktikal untuk menangani ancaman dalaman dan luaran. Hal ini bermula dengan permusuhan terhadap kesucian, kekotoran mereka dan dilanjutkan kepada pelanggaran kehormatan (Upeniece, 2018).

Bagi negara Malaysia menurut Mohamed Fajil *et al.* (2020), pembinaan dan pemantapan pertahanan dan keselamatan telah dimulakan sebelum Tanah Melayu merdeka lagi pada tahun 1957. Ketika itu, negara sedang berada di penghujung era penjajahan British. Selepas tahun 1957 iaitu ketika negara menempuh alam kemerdekaan dan tiada kuasa besar dunia yang bertanggungjawab menjaga dan mengawasi keselamatan Tanah Melayu, ATM telah menjalankan peranan yang utama untuk menjadi benteng hadapan pertahanan negara. Bermula tahun 1957 hingga tahun 2010 sahaja, berbagai dasar pertahanan negara telah dibangunkan bagi menjaga dan mengekalkan kedaulatan tanah air. Dasar Pertahanan Negara (DPN) telah diperkenalkan hasil pemerhatian dan perkembangan konflik serantau dan dunia. DPN mengutamakan prinsip “*self-reliance*” iaitu keupayaan negara mempertahankan negara tanpa campurtangan negara luar. Menteri Pertahanan ketika itu telah meletakkan tiga strategi penting dalam DPN iaitu; a) menjaga dan mengawalselia kepentingan strategik negara, b) prinsip pertahanan negara dan c) konsep pertahanan negara. Matlamat utama pertahanan negara adalah melindungi dan